

Rencana Pengarang

itu dengan siyasah negara masing-masing – perjuangannya hanya sebagai perjuangan dakwah Islam *international*.

Kita rasa bagi setengah-setengah negeri ada badan-badan di negara masing-masing yang bekerja atas tujuan yang mulia ini yang tidak melibatkan diri mereka dengan siyasah negara seperti yang dibuat oleh “Dewan Dakwah Islamiyah” di Indonesia. Badan-badan yang serupa itulah yang mustahak mendapat perhatian yang tidak melibatkan dirinya di dalam siyasah negara tetapi bekerja semata-mata untuk perkembangan Islam.

Di tanah air kita ini, tanahnya sememangnya sudah ada sedia hanya sanya benihnya yang belum bersemai. Negara telah menyiapkan masjid-masjid dan bangunan-bangunan perpustakaan luar bandar. Agama kita agama rasmi, tetapi sebagai bibit yang belum lagi diletakkan di tanahnya – jadi sampai bila pun tidak akan tumbuh. Kalau sekiranya bibitnya (agama rasmi) itu dilaksanakan (ditanam kepada rakyat) dan tumbuh, *in shā-Allāh* ia akan subur, tetapi malangnya agama rasmi masih di dalam botol, masih dijulang dan tidak memberi hasil bahkan lama-lama akan dimakan bubuk, dan bibitnya itu lama-kelamaan akan habis dengan tidak disedari.

Tugas dakwah adalah tugas semua umat Islam dan ia bukan tugas yang mesti dimonopoli oleh golongan alim-ulama, dan kerana itu adalah kewajiban kita bersama untuk menghidupkan dakwah Islamiyah ini – Selamat Hari Raya Haji!

Sumpah Rakyat Palestin

Peristiwa tanah Palestin

dibahagi-bahagikan oleh British yang memegang mandatnya kepada orang-orang Yahudi sehingga berdiri negara Israel sudah tentu tidak mengamankan Timur Tengah selagi bangsa yang dilaknat Allah itu tidak dikeluarkan dari bumi Palestin.

Umat Arab Palestin, adalah bersendirian.. Adakah Jordan, Lubnan, Republik Arab Bersatu atau Iraq mahu berunding atau menerima tawaran Bangsa-bangsa Bersatu dan mahu mengiktiraf negara Israel, tidaklah menjadi soal kepada mereka kerana akibat-akibat berdirinya negara Israel di bumi Palestin itu yang menanggung penderitaannya bukannya bangsa-bangsa Arab itu, tetapi adalah orang-orang Palestin sendiri.

Harta benda mereka dirampas, *bermillion-million* bilangan mereka yang jadi orang pelarian, melarat membawa diri menanggung kesusahan dengan sehelai sepinggang ke merata-rata negeri. Semuanya menjadikan umat Arab Palestin bersumpah kepada diri mereka yang mereka akan menuntut bela sampai ke titisan darah yang terakhir. Dan dengan sebab itu muncullah komando-komando Arab Palestin yang menuntut bela kerana terusirnya mereka daripada tanah air yang mereka cintai, dan selain daripada itu adalah mereka berjihad untuk mempertahankan Baitul Maqdis.

Atas tujuan ini, telah meresap ke dalam jiwa mereka dua perkara:

Pertama: Adalah menjalankan jihad di jalan Allah membela tanah suci yang mereka berada di dalamnya setelah mereka dahulu keluar dan

dianiayai. Di dalam perjuangan ini mereka mencari jalan mendapat kemenangan dunia.

Kedua: Kalau mereka gagal di dalam menyempumakan tugasnya maka mereka percaya dan yakin perjuangan mereka diterima Allah sebagai syuhada yang gugur di medan jihad yang akan dibalas Tuhan dengan syurga.

Jiwa keislaman yang murni inilah

menjadikan mereka maju ke tengah menuntut hak mereka daripada diperkosa orang yang mulanya dengan permainan songlap British untuk membinasakan perdirian Islam, di mana-mana mereka bertapak. Musuh Islam yang besar ini; British, itulah yang membawa kepada porak perandanya negara-negara Islam dengan jalan mengadu dombakan, dan ini hanya sedikit disedari, tetapi umat Palestin telah nampak lebih dahulu. Perjuangan mereka akan terus dan tidak putus-putusnya selagi bumi Palestin didiami oleh *Şahyūnī*. Dengan keyakinan inilah mereka berjuang dan dengan tekad yang penuh mereka mara dengan percaya bahawa Allah akan menolong mereka.

Harga Langganan Majalah Qalam

6 bulan	\$3.60
1 tahun	\$7.20
Senaskhah	\$0.60

Termasuk belanja *post*.

Pesanlah kepada:

Penerbitan Qalam

8247, Jalan 225,
Petaling Jaya,
Selangor.